

18 JAN 1996

MALAYSIA DAN KANADA METERAI TIGA PERJANJIAN BARU

KUALA LUMPUR, 18 Jan (Bernama) -- Malaysia dan Kanada hari ini menandatangani tiga perjanjian baru berkaitan pengangkutan udara, perhutanan, pendidikan dan latihan yang akan memperkukuhkan lagi kerjasama dua hala.

Upacara penandatanganan itu disaksikan oleh Perdana Menteri Kanada Jean Chretien dan enam ketua menteri wilayah yang tiba hari ini untuk lawatan dua hari.

Perjanjian-perjanjian itu ditandatangani selepas pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Chretien serta rombongannya, demikian menurut satu kenyataan yang dikeluarkan oleh pihak Kanada di sini.

Perjanjian pengangkutan udara yang pertama antara Kanada dan Malaysia memberi laluan kepada sistem Penerbangan Malaysia (MAS) mengadakan perkhidmatan udara dua kali seminggu antara Kuala Lumpur dan Vancouver melalui Taipei.

Perjanjian perhutanan pula merupakan perjanjian kecil di bawah Perjanjian Am mengenai Kerjasama Pembangunan di mana Perkhidmatan Perhutanan Kanada dan Kementerian Perusahaan Utama Malaysia bersetuju untuk bekerjasama dalam program-program berkaitan hutan.

Perjanjian pendidikan dan latihan pula membabitkan satu memorandum persefahaman untuk membolehkan hubungan antara maktab dan universiti di kedua-dua negara dan menggalakkan kepergerakan pelajar. Program itu akan berjalan untuk tempoh permulaan selama tiga tahun bermula 1996. -- BERNAMA